

John McLeod
Melaksanakan
Penyelidikan
Kaunseling

Penterjemah
Issham Ismail
Wan Mahzom Ahmad Shah

Penerbit
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai
Johor Darul Ta'zim
1999

English language edition published by Sage Publication of London, Thousand Oaks and New Delhi, © John McLeod 1994.

© Edisi bahasa Malaysia dipegang oleh
Universiti Teknologi Malaysia, 1997

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Sekudai, 80990 Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

McLeod, John, 1951-

Melaksanakan penyelidikan kaunseling / John McLeod ;
penterjemah Issham Ismail, Wan Mahzom Ahmad Shah.

ISBN 983-52-0139-0

1. Counseling--Research--Methodology. 2. Psychotherapy--Research--Methodology. I. Issham Ismail. II. Wan Mahzom Ahmad Shah. III. Judul.

158.3072

Editor: CHE ABAS CHE ISMAIL
Pereka Kulit: ZALAWATI SUFIAN

Diatur huruf oleh / *Typeset by*
VISUAL PRINT SDN. BHD.,
68 Mezzaine Floor, Jalan Raja Laut,
50350 KUALA LUMPUR

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
80990 Skudai, Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN HAJI JANTAN SDN. BHD.,
No. 12, Jalan 4/1 18C, Desa Tun-Razak, Cheras
56000 KUALA LUMPUR.

RM30.00

KANDUNGAN

Kandungan	v
Prakata	vii
1 Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling	1
2 Membaca Literatur: Meletakkan Penyelidikan dalam Konteksnya	11
3 Proses Penyelidikan: Peringkat, Tugas dan Jerat	23
4 Menggunakan Kaedah Kuantitatif	43
5 Ujian, Skala Pemeringkatan dan Soal Selidik Tinjauan	58
6 Mendengar Cerita tentang Terapi: daripada Penyelidikan Kualitatif kepada Sains Manusia	74
7 Pertanyaan Sistematis untuk Kes Individu	99
8 Adakah Ia Berfungsi? Menilai Kesan Kaunseling	117
9 Meneroka Kandungan Terapi: Kaedah dan Strategi dalam Penyelidikan Proses	136
10 Isu Etika dalam Penyelidikan Kaunseling	159
11 Kesimpulan, Isu, Jalan Penyelesaian	170
Rujukan	186
Indeks	207

PRAKATA

Buku ini ditulis untuk menggalakkan pemikiran kritis dan mendapatkan gambaran tabii serta untuk tujuan kaunseling dan psikoterapi. Dalam buku ini, perkataan-perkataan 'kaunseling', 'psikoterapi' dan 'terapi' diguna untuk menjelaskan satu set aktiviti dan membantu proses yang pada dasarnya sama. Penggunaan ini timbul ekoran daripada wujudnya kepercayaan bahawa perbezaan 'kaunseling' dan 'psikoterapi' bergantung pada faktor-faktor seperti sosialisasi profesional dan pembentukan organisasi, bukannya sebarang perbezaan dalam jenis keperluan pelanggan atau strategi ahli terapi.

Buku ini amat bernilai kepada mereka yang terlibat dalam penyelidikan kaunseling dan mereka yang memberi khidmat kaunseling, yang berhasrat untuk menggunakan penyelidikan bagi memantapkan lagi perkhidmatan yang mereka berikan. Bab 1 dan Bab 7 memperkenalkan beberapa kaedah yang digunakan dalam kaunseling dan psikoterapi, sementara Bab 8 dan Bab 9 menunjukkan cara-cara kaedah ini diterapkan dalam dua bidang pertanyaan yang utama: proses terapi dan kesannya. Bab 10 meninjau beberapa dilema etika yang timbul dalam bidang penyelidikan. Bab terakhir meringkaskan dan meneroka tema metodologi utama dan isu-isu utama dalam penyelidikan kaunseling.

Buku ini ditulis dari sudut perspektif antara disiplin, yang melihat kaunseling sebagai satu bidang gunaan bagi memperoleh ide dan teknik daripada kemanusiaan, teologi, falsafah, sosiologi dan antropologi serta sumber lain seperti psikologi dan perubatan. Setiap bidang ini memamerkan metodologi yang tersendiri.

Mereka yang terlibat secara tidak langsung dalam psikologi akan mendapati bidang ini sangat rumit. Pada umumnya, ia hanya kelihatan seperti suatu perbualan mudah antara kaunselor dan klien, tetapi pada hakikatnya pemahamannya boleh dilakukan pada beberapa peringkat dan perspektif. Buku ini menggambarkan hal tersebut. Sebenarnya, tiada satu cara yang benar-benar sempurna untuk melakukan penyelidikan kaunseling. Pada umumnya, terdapat pelbagai kaedah dan teknik. Oleh itu, buku setebal ini tidak berupaya untuk menyediakan dengan sempurna semua maklumat yang diperlukan dalam melengkapkan pembaca untuk terus melakukan penyelidikan. Bagaimanapun, tujuan buku ini adalah untuk menghubungkan kaunseling dan metodologi dengan menjelaskan tentang perbezaan yang berlaku jika metodologi berlainan diguna bagi menyelesaikan isu kaunseling,

dan juga menyediakan maklumat yang cukup untuk pembaca yang berminat dalam mendapatkan lebih banyak sumber teknikal yang terperinci.

Pembaca akan mendapati wujudnya tiga elemen dalam buku ini. Pertama, terdapat maklumat tentang teknik-teknik penyelidikan asas seperti meninjau semula literatur dan menggunakan ujian untuk menganalisis data. Kedua, terdapat contoh yang melibatkan penerapan teknik-teknik ini dalam kaunseling. Ketiga, terdapat suatu elemen perdebatan epistemologi. Epistemologi ialah suatu cabang falsafah yang berkaitan dengan persoalan 'bagaimana kita tahu?' Oleh itu, elemen ketiga ini menonjolkan penggunaan beberapa andaian falsafah yang tersirat dalam jenis-jenis penyelidikan kaunseling yang berlainan. Ketiga-tiga tema yang terdapat dalam buku ini menggambarkan tabii proses penyelidikan.

Saya menghargai bantuan yang diberikan oleh Michael Barkham, Miriam Bernard, Kate Coppenhall, Steve Cropper, Soti Grafanaki, Kevin Hogan, Dave Mearns, Krishnasamy Puniamurthy, David Rennie, Chris Phillipson, Peter Reason, John Sloboda dan William West. Mereka merupakan pakar metodologi, dan sebarang kesilapan atau salah konsep yang berlaku hendaklah dipertanggungjawabkan kepada saya. Saya juga berterima kasih kepada Susan Worsley di Sage, yang telah menyunting buku ini dengan begitu baik sekali. Akhirnya, saya amat terutang budi dengan isteri saya, Julia dan anak perempuan saya iaitu Kate, Emma dan Hannah. Tanpa kasih sayang mereka, semua ini tidak akan terlaksana.

1

MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN KAUNSELING

Buku ini ditulis bagi kegunaan kaunselor yang bercadang untuk menjalankan penyelidikan dan juga kaunselor yang meneliti hasil penyelidikan dengan harapan untuk memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang boleh membantu mereka dalam meningkatkan lagi mutu kerja masing-masing. Pertumbuhan kaunseling sepanjang 50 tahun yang lepas adalah seiring dengan pembangunan strategi dan kaedah yang mantap, yang diguna untuk memudahkan pemindahan pertanyaan genting kepada proses dan kesan hubungan bantuan jenis ini. Sasaran buku ini adalah untuk menunjukkan bahawa penyelidikan yang sistematik dalam kaunseling dan psikoterapi, boleh memberikan sumbangan yang bermakna kepada kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada klien.

Dalam buku ini, terdapat pertindihan yang ketara antara 'kaunseling' dan 'psikoterapi'. Beberapa contoh kajian proses psikoterapi dan kesannya turut dimuatkan dalam buku ini. Sungguhpun terdapat beberapa perbezaan dalam membahagikan kumpulan klien dan pertubuhan profesional, tetapi pada dasarnya kaunselor dan ahli psikoterapi terlibat dalam jenis kerja yang sama. Walaupun agenda penyelidikan tersendiri boleh dikenal pasti untuk kaunseling (McLeod, 1994a), tetapi kuantiti dan pengaruh penyelidikan psikoterapi telah menguasai bidang tersebut. Peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan psikoterapi boleh didapati dengan mudah berbanding kajian kaunseling. Oleh itu, walaupun banyak penyelidikan kaunseling dilakukan berbanding penyelidikan psikoterapi, terutamanya dalam bentuk disertasi pelajar, sebahagian besar kajian yang berskala besar dan sebahagian besar artikel yang diterbitkan adalah di bawah tajuk 'psikoterapi'.

Mengapakah penyelidikan penting untuk kaunselor?

Tinjauan yang dilakukan oleh kaunselor dan ahli psikoterapi dari USA (Cohen et al., 1986; Morrow-Bradley dan Elliott, 1986) membuktikan bahawa pengamal-pengamal psikoterapi tidak membaca artikel penyelidikan. Mereka juga menganggap penyelidikan tidak berkait rapat dengan kerja harian masing-masing. Alasan timbulnya 'ruang' penyelidikan ini - dibincangkan dengan lebih teliti dalam Bab 11. Oleh sebab sikap ragu-

ragu mengenai nilai penyelidikan diungkapkan dalam tinjauan ini, maka lebih bermakna untuk mempertimbangkan peranan penyelidikan kaunseling secara menyeluruh. Berikut ialah beberapa alasan penting untuk menjalankan penyelidikan kaunseling.

1. **Untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas** Kaunseling biasanya dilakukan secara peribadi dan dilaksanakan dalam keadaan rahsia. Kajian penyelidikan membolehkan kaunselor belajar tentang kerja terapi yang lain. Ini membolehkan golongan tersebut mengumpul pengetahuan dan pengalaman pada peringkat antarabangsa.

2. **Kebertanggungjawapan** Sebahagian besar pembiayaan kegiatan kaunseling diperoleh daripada sumber kewangan negara. Sokongan kewangan ini yang disertakan bersama tanggungjawab mempamerkan keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan kepada klien. Walau bagaimanapun, orang ramai tidak begitu yakin yang mereka boleh mendapat manfaat sepenuhnya daripada rawatan terapi yang diberikan oleh kaunselor. Ini bermakna bukti objektif diperlukan. Hasil kerja Masson (1988) menunjukkan berlakunya peningkatan bilangan klien yang dianiaya ahli terapi. Sehubungan itu, penyelidikan dilakukan untuk mengenal pasti sebab-sebab terjadinya salah laku jenis ini. Penulis lain pula memberi perhatian yang serius kepada manfaat yang diperoleh oleh klien daripada rawatan terapi. Jika kaunseling ingin mengekalkan imejnya pada pandangan orang ramai dan terus mendapat peruntukan daripada agensi kerajaan, majikan dan penyedia khidmat kesihatan, maka sistem penyelidikan yang berkesan diperlukan.

3. **Membangunkan pendekatan dan ide baru** Kaunseling dan psikoterapi ialah suatu kerjaya yang baru. Teori dan teknik baru sentiasa diketengahkan. Sehingga tahun 1930-an, psikoterapi yang ada ketika itu ialah psikoanalisis. Terdapat beberapa dozen pendekatan yang terkawal. Kaunseling ialah satu aktiviti dengan pembaharuannya sering kali dihasilkan oleh para pengamal kaunseling, dan seterusnya dinilai oleh para penyelidik. Keadaan yang sebaliknya berlaku dalam perubatan. Dalam keadaan ini, penyelidik mencipta dadah atau teknologi baru, yang kemudiannya diuji terhadap pesakit dengan berhati-hati. Dalam perubatan, terdapat undang-undang yang mencegah pengujikajian pramatang terhadap pesakit. Sedangkan dalam kaunseling, ide dan teknik baru dipraktikkan terlebih dahulu sebelum diteliti melalui penyelidikan. Oleh sebab campur tangan terapeutik boleh menyebabkan mudarat dan juga memberikan manfaat (Lambert, 1989), maka kesedaran tentang perlunya penyelidikan untuk mengukur nilai-nilai pembaharuan tersebut amat diperlukan.

4. **Penerapan kaunseling dalam bidang baru** Kaunseling berkembang seiring dengan pembangunan teknik-teknik baru. Ini

mbolehkan kaunseling diterapkan pada bidang dan kumpulan klien yang baru. Sepanjang dekad yang lalu, kaunseling telah berkembang dengan ketara dalam organisasi, penjagaan kesihatan dan sebagai gerak balas kepada bencana dan trauma. Hubungan dan keberkesanan model-model yang sedia ada dalam konteks baru ini telah menjadi judul penting dalam penyelidikan.

5. Pembangunan profesional dan peribadi Salah satu kepuasan bekerja yang dinikmati oleh beberapa orang kaunselor dalam tugas harian masing-masing ialah klien membenarkan kaunselor menerokai dunia peribadi dan hidup mereka. Sebagai sebahagian daripada proses ini, pengamal mungkin mendapati diri mereka berdepan dengan 'soalan-soalan pedas' (Whitaker dan Archer, 1989), yang hanya boleh terjawab dengan melakukan penyelidikan. Lulusan pembangunan kerjaya dan profesional yang diambil oleh kaunselor berpengalaman mungkin boleh mendorong beberapa kaunselor lain menggabungkan identiti profesional masing-masing. Ini dilakukan dengan cara menyumbang kepada literatur penyelidikan (Skovholt dan Ronnestad, 1992).

Oleh itu, motivasi untuk melakukan penyelidikan mungkin timbul hasil daripada keperluan peribadi pengamal itu sendiri, organisasi luar atau desakan sosial.

Tema asas untuk alasan di atas bagi melakukan penyelidikan ialah kaunseling itu suatu 'sistem terbuka'. Asas pengetahuan yang diperlukan untuk kaunseling adalah tidak tetap, dogmatik dan tidak berubah. Kritikan dan pertanyaan digalakkan. Kebanyakan (jika bukan semua) maklumat kaunseling berada dalam domain awam, yang diperoleh dari perpustakaan. Beberapa teori yang digunakan dewasa ini mungkin kelihatan tegap dan tidak boleh dianjak. Walau bagaimanapun, sejarah terapi menunjukkan bahawa pengasas seperti Freud dan Rogers terpaksa bertungkus-lumus untuk memastikan ide mereka diterima ramai. Contohnya teori berpusat insan atau psikodinamik tidak diterima ramai.

Penyelidikan penting bagi kaunselor untuk membuktikan kesahihan profesion. Hasenfeld (1992) mempertikaikan bahawa semua bentuk khidmat kebajikan manusia mestilah boleh dilihat kesahannya oleh klien, pengatur, penyedia sumber dan 'pemegang amanah harta' yang lain. Seperti ahli profesional dalam bidang perubatan, kejururawatan, psikologi, pengajaran dan perkhidmatan masyarakat, ahli kaunseling juga diharap boleh memberikan asas yang rasional tentang pencelahan mereka melalui satu badan ilmu yang berasaskan penyelidikan. Arah aliran ini boleh dilihat pada kecenderungan universiti dan kolej untuk mengadakan latihan yang lebih mirip kepada profesion ini terutama kursus tentang kesedaran dan kemahiran penyelidikan. Sebahagian besar pembangunan ini diragui. Kebanyakan latihan dikendalikan oleh institusi bebas dan sebahagian besar amalan ini ditawarkan oleh sukarelawan.

Apakah itu penyelidikan?

Banyak mitos dan khayalan wujud tentang penyelidikan. Ini termasuklah imej memakai kot putih dan makmal. Orang yang mempunyai kemahiran dan kecekapan mungkin percaya yang penyelidikan itu ialah suatu yang berada 'di bawah' keupayaan mereka. Mitos yang popular dalam dunia kaunseling ialah penyelidikan yang berkaitan dengan nombor, statistik yang sukar difahami dan sampel yang banyak. Penyelidik juga tidak mendapat tempat dalam pengalaman dan perasaan manusia biasa. Sukar untuk mengenal pasti peranan seorang penyelidik. Penyelidik ialah seorang pakar dan berpengetahuan luas. Penyelidikan dianggap sebagai satu dunia yang lain. Ini dilakukan dengan mengumpul apa yang berlaku dalam dunia sebenar dan memprosesnya dengan menggunakan komputer.

Mitos ini (mungkin telah diperbesar-besarkan dalam hal ini) bertindak sebagai penghalang kepada kaunselor untuk terlibat dalam penyelidikan. Satu pandangan yang membina ialah bermula dengan pengakuan yang kita sentiasa melakukan 'penyelidikan'. Setiap orang mempunyai model atau peta dunia. Masing-masing akan berusaha untuk mencari bukti baru untuk mengesahkan atau mengubah suai model tersebut. Sesi kaunseling dengan klien boleh dilihat sebagai satu penyelidikan, penyatuan maklumat dan pemahaman. Ini diikuti dengan pengujian kesahan kesimpulan dan tindakan yang berasaskan pengetahuan bersama itu. Daripada berdozen-dozen klien dan beratus-ratus sesi kaunseling, kami telah membina teori sendiri tentang berbagai-bagai jenis klien dan yang mana satu kaedah berkesan untuk mereka. Teori peribadi ini biasanya mempunyai hubungan dengan teori 'rasmi' tetapi tetap mengekalkan unsur idiosinkratik yang bermula daripada pengalaman unik seseorang kaunselor itu.

Definisi penyelidikan yang berguna ialah: satu proses pertanyaan genting yang sistematik boleh menghasilkan kenyataan dan kesimpulan yang sah. Ini disampaikan untuk menarik minat yang lain. Dengan membahagikan definisi ini kepada komponen-komponennya bermakna membolehkan andaian-andaian yang dibuat menjadi lebih jelas.

1. Konsep *pertanyaan genting*. Penyelidikan berkembang dengan bermula daripada kecenderungan manusia untuk belajar, untuk mengetahui, atau untuk menyelesaikan masalah. Pada dasarnya, dorongan ini adalah penting. Keperluan untuk tahu merupakan satu tindak balas kepada apa yang diketahui itu tidak begitu betul.
2. Penyelidikan sebagai satu *proses pertanyaan*. Penyelidikan terlibat dengan satu siri langkah atau peringkat. Ilmu pengetahuan mestilah dibangunkan. Pemerhatian, renungan dan pengujikajian merupakan satu proses kitaran.
3. Penyelidikan ialah *sistematik*. Dua set maksud yang utama wujud untuk menunjukkan yang penyelidikan hendaklah sistematik. Pertama, penyiasatan berlaku sekitar sistem teori konsep atau gagasan. Penyelidikan berada dalam rangka kerja yang melibatkan dunia yang

- luas. Kedua, penyelidikan melibatkan penerapan satu set kaedah atau prinsip. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pengetahuan yang sah dan benar.
4. Hasil penyelidikan ialah *saranan* atau *kenyataan*. Perbezaan yang ketara wujud antara penyelidikan dan pembelajaran. Pengalaman atau 'tahu bagaimana' merupakan satu hasil yang berharga bagi proses pertanyaan. Walau bagaimanapun, penyelidikan biasanya melibatkan komunikasi dengan yang lain. Pembelajaran boleh dilakukan secara individu. Penyelidikan memerlukan perlambangan dan penghantaran pemahaman dalam domain awam.
 5. Hasil penemuan penyelidikan dihakimi menurut kriteria *kesahan*, *kebenaran* atau *ketulenan*. Sesuatu kenyataan itu boleh dikatakan diperoleh daripada penyelidikan dengan syarat kenyataan tersebut sahih dan lebih tepat daripada kenyataan yang terbit daripada pendapat peribadi. Walau bagaimanapun, setiap budaya mempunyai kriteria atau 'alasan mantik' tersendiri untuk mengesahkan sesuatu teori atau kenyataan. Contohnya nilai kebenaran psikologi disamakan dengan kenyataan yang berasaskan pengujikajian yang objektif dan rasional. Dalam psikoanalisis, nilai kebenaran dihakimi dengan berasaskan pengalaman.
 6. Penyelidikan *dikomunikasikan untuk menarik minat ramai*. Ini biasanya berlaku dalam masyarakat penyelidikan. Penyelidikan yang dilakukan secara terasing tidak memberi sebarang makna. Kajian penyelidikan membolehkan individu-individu bergabung tenaga untuk menghasilkan satu literatur yang mantap bagi sesuatu tajuk.

Definisi penyelidikan yang luas ini menunjukkan terdapatnya beberapa cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dalam bidang kaunseling. Definisi ini tidak menekankan yang penyelidikan mesti bersifat saintifik. Definisi ini juga tidak membuat sebarang andaian. Dalam masyarakat moden, 'penyelidikan' dianggap sama dengan 'sains'. Kaedah saintifik dianggap sebagai satu cara untuk mendapatkan pengetahuan yang berguna. Banyak penyelidikan kaunseling dan psikoterapi didapati mengikut kaedah ini sehinggakan pembinaan terapi menjadi satu subcawangan psikologi gunaan atau sebagai satu disiplin yang bersekutu dengan perubatan. Bagaimanapun, terdapat satu perdebatan yang menyokong kaunseling sebagai satu aktiviti antara-disiplin. Ini adalah berdasarkan konsep dan kaedah daripada sastera dan manusia, teologi, falsafah dan sosiologi, dan juga psikologi dan perubatan (McLeod, 1993; Thorne dan Dryden, 1993). Jika perspektif ini digunakan, maka penyelidikan kaunseling boleh ditakrifkan sebagai satu cara untuk memberi kesahan dan nilai yang sama kepada kaedah-kaedah pertanyaan yang diperoleh daripada semua disiplin ini.

Ciri definisi penyelidikan lain yang digunakan di sini ialah penyelidikan bukannya setakat kajian yang hasilnya hanya terbit dalam jurnal akademik. Aktiviti penyelidikan sangat luas. Pada peringkat tempatan, seseorang kaunselor mungkin boleh mengkaji semula kerja masing-masing terhadap

disengajakan dan refleksif. Penantian sains tabii untuk memperoleh 'hukum semula jadi' semesta juga telah tersalah terap ketika hendak menjelaskan kebenaran pengetahuan baru.

Ahli sosiologi Perancis pada abad ke-18, Auguste Combe ialah pengasas ide sains 'positif'. Sains ini menunjukkan semua fenomena daripada fizik amat keterlaluan terhadap tingkah laku manusia pada suatu ketika. Walau bagaimanapun, pada suatu ketika yang lain fenomena tersebut boleh diterangkan oleh satu set hukum tabii. Falsafah sains yang dihasilkan Combe telah memainkan peranan penting dalam membentuk psikologi tingkah laku. Von Wright telah mengkategorikan tiga rukun positivisme yang utama. Pertama, 'sains tabii yang jitu terutamanya fizik matematik, menghasilkan metodologi yang unggul atau piawai. Ini digunakan untuk mengukur darjah pembangunan atau kesempurnaan sains-sains yang lain termasuk manusia' (1971: 2). Positivisme juga mengandaikan kesepakatan kaedah-kaedah saintifik. Dengan perkataan lain, kaedah yang sama boleh diterapkan dalam bidang ilmu pengetahuan yang lain. Akhir sekali, ahli fikir positivis hanya akan berpuas hati setelah mendapat penerangan dalam bentuk 'sebab-dan-kesan'. Mereka akan menolak model penjelasan yang menggunakan 'tujuan'.

Penggunaan pendekatan *positivis* dominan terhadap penyelidikan ke atas orang ramai adalah bergantung pada kemantapan penafsiran atau *hermeneutik* untuk melakukan penyelidikan (Taylor, 1979). Wilhelm Dilthey merupakan orang penting dalam tradisi ini. Beliau berkata bahawa kajian ke atas orang ramai hanya boleh dilakukan dengan baik melalui *sains manusia*. Kaedah pertanyaan hermeneutik bermula daripada cendekiawan kitab Bible. Kaedah ini digunakan untuk menafsir maksud cebisan kitab Bible yang tidak lengkap. Pendekatan ini menyediakan asas untuk sebilangan strategi penyelidikan yang bergantung pada kaedah-kaedah kualitatif dan kuantitatif. Strategi ini memperoleh jenis aktiviti penyelidikan yang telah dilakukan ke atas bidang seperti kemahiran seni, manusia dan teodologi. Dalam hal ini, tugas penyelidik adalah untuk menghasilkan satu 'teks' (contohnya transkrip untuk satu sesi terapi) berkenaan dengan rangka kerja penafsiran. Tabii dan skop pendekatan kualitatif disentuh dengan lebih terperinci dalam Bab 6. Penyelidikan ini dikenal sebagai 'paradigma baru' (Reason dan Rowan, 1981). Ini berbeza dengan kaedah sebelumnya yang bergantung pada teknik dan andaian sains tabii. Gergen (1985) menggunakan sebutan *pembina* untuk merujuk pada cara penyelidik membina satu bahan bacaan atau tafsiran.

Perasaan cemas atau polarisasi yang diterangkan di sini boleh dilihat sebagai suatu asas kepada semua bidang manusia. Salah seorang cendekiawan yang berjaya mencelapak kedua-dua bahagian tersebut ialah Jerome Bruner. Beliau berkata:

terdapat dua mod kognitif yang berfungsi dan dua mod pemikiran, dengan setiap satu memberikan pengalaman arahan dan hakikat membina. Kedua-dua mod tersebut tidak boleh dijelaskan dengan mudah antara satu dan lain. (1986: 11)

Bruner memanggil kedua-dua cara tersebut sebagai mod *paradigmatik* dan mod *naratif*. Beliau menggambarkan mod *paradigmatik* sebagai *saintifik-logiko*, yang 'cuba untuk memenuhi suatu sistem matematik bagi pemerian dan penerangan'. Sebaliknya, mod *naratif* terlibat dengan 'tujuan dan tindakan' dan digunakan untuk 'cerita baik, drama yang mempersonakan, akaun sejarah yang boleh dipercayai (walaupun tidak semestinya benar)' (1986: 12-13). Dalam menggambarkan peranan dan metodologi sains manusia, beliau mendapati bahawa 'berlawanan dengan pengetahuan kita tentang bagaimana alasan logik dan sains diteruskan. Keupayaan kita untuk menghasilkan cerita baik juga terhad' (1986: 14).

Perbezaan antara kedua-dua cara ini telah menimbulkan beberapa pertanyaan asas bagi penyelidikan terapi dan kaunseling. Beberapa isu yang dialami oleh para penyelidik ialah:

1. Adakah pengetahuan yang berguna boleh dicapai melalui pembolehubah-pembolehubah yang diukur dengan tepat dan objektif atau dengan mengambil kira kerumitan bahasa harian?
2. Adakah tujuan penyelidikan untuk meramal hasil yang diperolehi (contohnya seseorang yang telah didiagnosis boleh dibantu dengan rawatan tertentu)?
3. Penyelidikan macam manakah yang berkait rapat dengan praktik?
4. Apakah peranan teori dalam penyelidikan?
5. Sehingga tahap manakah penyelidik patut dipisahkan daripada terlibat dengan kehidupan peserta penyelidikan?
6. Apakah kriteria yang patut diguna untuk mengesahkan hasil penemuan penyelidikan?

Tiada jawapan yang betul atau salah untuk persoalan-persoalan tersebut. Ini kerana persoalan itu menggambarkan sistem penilaian yang kompeten, 'imej seseorang itu', ideologi dan tradisi intelektual. Cara penyampaian isu ini yang dilakukan oleh beberapa penyelidik kaunseling ditunjukkan dalam buku ini. Beberapa petunjuk sementara untuk arah-arrah baru diberikan dalam Bab 11.

Kesimpulan

Pelaksanaan penyelidikan kaunseling merupakan sebahagian daripada khidmat praktik. Sukar untuk membayangkan bentuk sebenar penyelidikan 'tulen' untuk terapi. Apabila psikoterapi dan kaunseling diterapkan, setiap satu akan mewakili sumber-sumber konsep dan kaedah pertanyaan yang berharga. Kelainan dan kerumitan tradisi ini serta tabii terapi yang begitu rapuh sebagai satu daya usaha, menunjukkan bahawa para penyelidik kaunseling haruslah memilih metodologi dan falsafah yang sesuai untuk membantu kerja masing-masing. Pembaca hasil penyelidikan kaunseling

harus juga berhati-hati kerana kajian yang berlainan akan diungkapkan dalam bahasa dan suara yang berlainan.

Beberapa rumusan diperoleh daripada perbincangan awal tentang tabii penyelidikan kaunseling. Pertama, daya pendorong penyelidikan ialah kawasan antara yang diketahui dan yang tidak diketahui. Ada sesuatu yang diketahui, tetapi tidak mencukupi. Penyelidikan bermula dari titik tersebut, yang berlaku kerana timbulnya perasaan ingin tahu. Kedua, penyelidikan merupakan komponen untuk semua amalan kaunseling yang kompeten. Seorang kaunselor yang baik haruslah berfikiran terbuka. Penyelidikan yang baik dalam domain kaunseling dan psikoterapi haruslah berkait rapat dengan praktik. Akhir sekali, penyelidikan ialah satu usaha bersama. Setiap kajian dilaksanakan terhadap apa yang telah berlaku. Sebarang ketidaksempurnaan dan masalah yang belum ada penyelesaian akan diteliti semula. Dalam bab berikutnya, fakta terakhir tersebut akan disentuh dengan lebih mendalam. Fakta tersebut menekankan tentang pentingnya memahami literatur penyelidikan dengan baik.